

31/05/1997

Siasatan Perwaja di peringkat akhir

Abdul Karim Mustafa

KUALA LUMPUR, Jumaat - Siasatan polis berhubung penyelewengan yang dikatakan menyumbang kepada kerugian Perwaja, kini di peringkat akhir.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor, bagaimanapun enggan menjelaskan setakat mana hasil siasatan itu sekarang kerana sebab-sebab tertentu.

Menurutnya, siasatan yang dijalankan polis adalah atas landasan berasingan dengan siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) bagi mengelakkan pertindihan.

Ditanya berapa peratus lagi proses siasatan itu akan siap, beliau berkata:

"Setiap yang bermula pasti akan berakhir. Tetapi saya tidak dapat berikan berapa peratus."

Mengenai sama ada bekas Pengarah Urusan Perwaja, Tan Sri Eric Chia sudah dipanggil memberi keterangan sepanjang siasatan itu, Rahim enggan mengulas.

"Minta maaf, detail kita tidak boleh bagi... bagaimana kita menyiasat tidak boleh diberitahu.

"Dipanggil atau tidak dipanggil tidak payah sebutlah..." katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Baru-baru ini, Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan BPR dan polis meneruskan siasatan terhadap Eric Chia berhubung kerugian Perwaja yang berjumlah kira-kira RM2.9 bilion.

Perdana Menteri memutuskan demikian selepas menerima dan meneliti hasil siasatan awal yang diserahkan BPR kepadanya.

Sebelum itu, akhbar melaporkan penafian BPR dan polis berhubung dakwaan kononnya Eric Chia sudah ditahan bagi membantu siasatan.

BPR menyerahkan laporan awal yang dikatakan turut membabitkan soal siasat dengan pihak tertentu di Hong Kong yang dipercayai mempunyai kaitan dengan beberapa projek Perwaja.

(END)